



## NOTIS PENGOPERASIAN PREMIS PERNIAGAAN

Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan berkuatkuasa **18 hingga 31 Mac 2020**, aktiviti perniagaan di Kawasan / Daerah Pasir Puteh hanya dibenarkan beroperasi sebagaimana berikut :

BIL.	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
1	<b>PASAR BESAR, PASAR AWAM DAN PASAR BASAH UNTUK PELANGGAN BERUMUR 18 TAHUN KE ATAS DIHADKAN TIDAK LEBIH DARIPADA 2 ORANG SAHAJA DALAM SATU KELUARGA</b>	<b>7.00 PAGI – 2.00 PETANG</b>
2	<b>SEMUA PERKHIDMATAN PENTING NEGARA (<i>ESSENTIAL SERVICES</i>) YANG LAIN UNTUK PELANGGAN YANG BERUMUR 18 TAHUN KE ATAS SAHAJA KECUALI PERKHIDMATAN DALAM SEKTOR KESIHATAN SEPERTI KLINIK, FARMASI, PUSAT HEMODIALISIS DAN SEUMPAMA DENGANNYA</b>	<b>7.00 PAGI – 7.00 MALAM</b>
3	<b>PERKHIDMATAN DALAM SEKTOR KESIHATAN SEPERTI KLINIK, FARMASI, PUSAT HEMODIALISIS DAN SEUMPAMA DENGANNYA</b>	<b>WAKTU OPERASI SEPERTI BIASA YANG DIBUAT SEBELUM INI</b>

- **PENGUSAHA PAM MINYAK DIGALAKKAN UNTUK MENEMPATKAN PETUGAS PAM UNTUK MEMBUAT PENGISIAN MINYAK.**
- **PENGUSAHA KILANG DIKEHENDAKI MENGURANGKAN STAF YANG BEKERJA DAN MENGATURKAN PEKERJA DALAM BENTUK SYIF SUPAYA TIDAK RAMAI YANG BERKUMPUL DALAM SATU-SATU MASA.**
- **PENGUSAHA PERKHIDMATAN BAS DIKEHENDAKI MENGHADKAN SUPAYA PENUMPANG TIDAK RAMAI YANG BERKUMPUL DALAM SATU-SATU MASA DAN MEREKODKAN NAMA SETIAP PENUMPANG BESERTA DENGAN NOMBOR TELEFON MASING-MASING.**
- **PENGURUS PERKHIDMATAN PERBANKAN DIKEHENDAKI MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH PEMBERSIHAN YANG BERSESUAIAN UNTUK MEMBERSIHKAN MESIN ATM DAN CDM PADA SETIAP HARI SUPAYA SELAMAT UNTUK DIGUNAKAN.**

**PERMIS-PREMIS PERNIAGAAN SELAIN DI ATAS YANG TIDAK MELIBATKAN PERKHIDMATAN PENTING NEGARA (*ESSENTIAL SERVICES*) HENDAKLAH DITUTUP SEPENUHNYA.**

Sehubungan dengan itu, pihak tuan dikehendaki mematuhi arahan ini bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan digunakan ke atas tuan. Arahan ini adalah selaras dengan **AKTA 342, AKTA PENCEGAHAN DAN KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988** dan **AKTA POLIS 1967** dan tertakluk kepada arahan terkini dari semasa ke semasa. Kegagalan permatuhan kepada arahan ini adalah **SATU KESALAHAN JENAYAH** dan boleh dikenakan **HUKUMAN PENJARA SEHINGGA 2 TAHUN, DENDA ATAU KEDUA-DUANYA SEKALI**.

Arahan ini berkuatkuasa mulai **Ahad 22 Mac 2020**.